



**PUSAT SAINS NEGARA
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)**

**PENDAFTARAN PERTANDINGAN NATIONAL TINKERING CHALLENGE (NTC) 2023
DIBUKA**

KUALA LUMPUR, 13 APRIL 2023- Pusat Sains Negara (PSN), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) ingin mempelawa semua murid sekolah di seluruh Malaysia bermula tahun empat hingga tingkatan lima untuk menyertai Pertandingan National Tinkering Challenge (NTC) 2023. Pendaftaran pertandingan ini dibuka mulai 10 April 2023 hingga 18 Mei 2023, pukul 12.00 tengah hari.

Pengarah Pusat Sains Negara, Puan Mismah Jimbun memaklumkan tujuan penganjuran pertandingan ini diadakan untuk menyemarakkan budaya inovasi dan pemikiran saintifik melalui aktiviti *tinkering* dalam kalangan masyarakat Malaysia, terutamanya golongan muda dan murid sekolah sebagai pemacu kepada sebuah Negara maju berteraskan sains dan teknologi.

Katanya, pertandingan yang memasuki kali ke – 4 penganjurannya ini diteruskan kerana ia dilihat sebagai platform yang relevan bagi murid sekolah dan masyarakat untuk terus mereka cipta, berkeaktiviti dan berinovasi. Pada tahun ini, pertandingan terbahagi kepada tiga kategori iaitu kategori murid sekolah rendah (Tahun 4 hingga 6), sekolah menengah (Tingkatan 1 hingga 5) dan murid berkeperluan khas (Tahun 4 hingga Tingkatan 5).

Tema bagi NTC 2023 adalah Lestari Untuk Kehidupan Sejahtera (*Sustainable for Global Life Being*) dengan penekanan terhadap isu-isu global dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDG).

Hadiah bagi pemenang tempat pertama kategori murid sekolah rendah adalah wang tunai RM2,000 beserta kit pendidikan bernilai RM400 manakala hadiah bagi pemenang tempat pertama kategori pelajar sekolah menengah dan murid berkeperluan khas merupakan wang tunai RM2,500 beserta kit pendidikan bernilai RM500.

Maklumat lanjut dan syarat penyertaan boleh didapati di laman web Pusat Sains Negara di alamat <https://www.psn.gov.my/ntc/>.

Maklumat Lanjut :

Nurul Haizun Abd Ghani (019-333 4282)
Pegawai Sains
PUSAT SAINS NEGARA KUALA LUMPUR
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

Hafizah Kher (017-2156862)
Pegawai Penerangan
PUSAT SAINS NEGARA KUALA LUMPUR
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

Tentang Pusat Sains Negara (PSN):

Pusat Sains Negara telah ditubuhkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada 1996 dengan matlamat melahirkan generasi penyumbang dalam bidang sains dan teknologi, sekaligus membina masyarakat yang berbudaya sains. PSN juga merupakan sebuah institusi yang menerapkan pembelajaran dan pengajaran sains bukan formal. Untuk maklumat lanjut dan terkini, sila layari laman sesawang berikut www.psn.gov.my.